

KUBU TETAP BANTAH PENYATA RAHMAN

Berita Harian, 14 August 1960, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL2820

**KUBU TETAP BANTAH
PENYATA RAHMAN**

KUALA LUMPUR. Sabtu.—Kumpulan Budi Utama — Kubu—tetap merasakan khuatir bahawa bahasa Inggeris telah di-utamakan dalam sistem pelajaran negeri ini, demikian di-terangkan kepada Berita Minggu hari ini oleh sa-orang juru bichara Kubu.

Beliau menegaskan:
“Sa-bagai sa-buah badan kebudayaan dan bahasa, kami merasa khuatir terhadap dasar mengutamakan bahasa Inggeris dalam Penyata itu.”

Dalam sa-buah kenyataan-nya minggu lalu, Kubu telah membantah Penyata Pelajaran Rahman Tallib itu kerana mengutamakan Bahasa Inggeris dan mengechewakan kepentingan bahasa Melayu.

Sa-buah jawatankuasa khas terdiri dari lima orang telah di-lantek oleh KUBU untuk mempelajari penyata itu.

“Jawatankuasa khas ini akan menyusun sikap dan pendirian Kubu terhadap keselurohan dasar pengajaran di-Malaya,” kata juru chakap itu sa-lanjutnya.

Jawatankuasa khas itu terdiri Sdr2 Asraf, Tongkat Warrant, Daud Bahrom, Yahaya Samah dan Firdaus Abdullah.

Laporan jawatankuasa khas itu di-jangka siap dalam masa sa-minggu lagi untuk di-sampaikan kepada Pemerentah.

Akan di-ingat bantahan Kubu terhadap penyata itu telah di-timbulkan dalam Parlemen kelepasan oleh ahli Perikatan dari kawasan Kuala Selangor. Inche Dahari Ali.

Menda'awa

Inche Dahari dalam hubungan ini berkata: "Dari segi orang2 Melayu, se-laran2 yang hebat terhadap Penyata ini ia-lah dari sa-bahagian kaum terpelajar yang terapong2 di-awang2 yang menudoh penyata ini tidak mengendahkan langsung soal menambah kemudahan2 per-sekolahan2 menengah anak2 kita."

Ahli Perikatan itu menda'awa bahawa Kubu hanya mempunyai kira 50 orang ahli sahaja.

Tetapi Ketua Socialist Front, Inche Ahmad Boestamam dalam Parlemen mengatakan Kubu mempunyai lebih dari 200 orang anggota.

